

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 16 BILANGAN 11 RABU 17 MACH 1971 1391 محرم 20 رابو PERCHUMA

BEBAS MENULIS, TAPI SESUAI DENGAN KEADAAN—Pengarah DBP

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja, Dato Utama (Dr.) Haji Awang Md. Jamil Al-Sufri telah menyatakan pendapat-nya berhubung dengan bentuk amalan2 kebebasan yang sesuai untuk di-praktikkan oleh penulis2 negeri ini.

Menurut beliau bahawa memang siapa pun berhak menyatakan atau menchipta karya2 dengan bebas, tetapi kebebasan itu biar-lah sesuai dengan perkembangan yang ada di-sekeliling-nya.

Beliau menyatakan bahawa ada-lah perlu bagi penulis2 mengkaji terlebih dahulu dan memahami betul2 akan kebebasan itu dengan berjalan di-dasar yang betul dan kedudukan yang kukuh di-segi peribadi orang2 Melayu.

Berucap sa-jurus sa-belum menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 peraduan menulis cerpen dewasa dan kanak2 baru2 ini beliau berkata:

“Kita ada konsep peribadi kebangsaan — keBruneian

dan keagamaan kita. Jika tidak bertentangan dengan perkara2 ini, maka bebas kita itu betul, tetapi jika sebalik-nya, maka kebebasan kita itu tidak betul”.

Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja telah membawa satu sudut bebas yang di-amalkan oleh golongan “hippies” di-negeri2 Barat yang menurut beliau hidup dalam suasana yang tidak ketentuan arah.

Beliau menyeru kepada penulis2 supaya menyedari akan hakikat ini yang sa-chara langsung ada-lah berkait rapat dengan hubungan peranan penulis dengan pembangunan negara yang di-dalam-nya terdapat masyarakat yang berkeinginan besar untuk benar2 berarti dalam pembangunan itu.

Dalam menunaikan tanggung-jawab penulis ini, beliau menyeru penulis2 tanah ayer supaya lebih giat melaksanakan usaha2 untuk menchipta karya2 yang bermutu untuk tatapan dan bahan pemikiran di-kalangan bangsa kita.

Beliau menekankan bahawa penulis ada-lah satu angkatan pengubah zaman dengan perjuangan melalui pena mereka dengan karya2 yang bernilai.

Beliau berharap supaya sudut perjuangan penulis ini untuk pembangunan yang bererti pada bangsa, negara dan ugama akan di-gunakan dengan sabaik2-nya.



Gambar atas menunjukkan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Y. B. Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama (Dr.) Haji Awg. Mohd. Jamil Al-Sufri sedang menyampaikan sijil kenang2an kepada Dayang Norsiah binte Abd. Gapar yang telah memenangi hadiah pertama dalam bahagian cerpen kanak2. Sementara gambar bawah menunjukkan sa-bahagian dari pegawai2 DBP dan pemenang2 dalam peraduan itu ketika hadir di-majlis penyampaian hadiah2 pada hari Jumaat lepas.



16 orang lelaki China di-tangkap

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 16 orang lelaki China Sarawak telah di-tangkap oleh Chawangan Khas Polis Di-Raja Brunei pada minggu lalu.

Mereka itu telah di-tangkap pada 9 dan 10 Mach yang lalu di-bawah kuat kuasa undang2 dharurat tahun 1962.


Sa-buah kenyataan pejabat polis menyatakan, ada-nya orang2 itu di-negeri ini di-sifatkan sa-bagai tidak di-ingini dan mereka mungkin akan di-hantar balek ka-Sarawak sa-telah selesai di-jalankan penyiasatan lanjut.

Pemilihan chalun Ketua Kg. Bukit Panggal

PEKAN TUTONG. — Pemilihan chalun2 bagi Ketua Kampong Bukit Panggal di-Daerah Tutong akan di-jalankan pada hari Sabtu 20 Mach bertempat di-Dewan Sekolah Melayu Bukit Panggal.

Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh menyeru kepada penduduk2 di-sekitar kawasan kampung tersebut yang berumur 21 tahun ka-atas dan raayat Duli Yang

Maha Mulia Seri Paduka Baginda Sultan atau yang berhak untuk di-daftarkan sa-bagai raayat Sultan supaya hadir ka-Dewan Sekolah Melayu Bukit Panggal pada pukul 8.30 pagi, 20 Mach, 1971.



DUA dari tiga buah kapal Angkatan Tentera Laut Di-Raja Thai — HTMS Maeklong dan HTMS Phosampton yang telah mengadakan lawatan ka-Brunei pada minggu lalu. Ini ada-lah lawatan yang kedua bagi kedua2 buah kapal tersebut ka-negeri ini. Lawatan yang pertama ia-lah dalam tahun 1967.

Penyampaian sijil2

PEKAN TUTONG. — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman b'n Pengiran Anak Mohammad Salleh telah menyampaikan sijil2 kepada 20 orang pemimpin2 pengakap yang telah berjaya dalam kursus latihan praktikal Wood Badge Bahagian Dua di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong pada hari Sabtu lepas.

Sa-belum menyampaikan sijil2 tersebut, Pengiran Othman telah memberikan ucapan yang antara lain menasehatkan pengakap2 di-negeri ini supaya memberikan ta'at setia kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei serta kepada kerajaan baginda.

Beliau juga mengucapkan tahniah kepada pemimpin2 pengakap yang telah berjaya dalam kursus tersebut dan menasehatkan kepada mereka yang tidak berjaya dalam kursus itu supaya jangan putus asa tetapi supaya mengambil kursus itu sekali lagi.

Terdahulu dari itu, Pesuruh-jaya Latihan Pengakap Negeri Brunei, Awang Yahya Momed Yusof telah juga berucap mengenai dengan kursus latihan Wood Badge bagi pemimpin2 pengakap di-negeri ini.

Kursus latihan praktikal Wood Badge itu telah di-adakan di-tapak perkhemahan Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Gadong dalam bulan Ogos tahun lalu.

"Duct Scheme" di-Pekan Tutong

PEKAN TUTONG. — Jabatan Talikom akan mengadakan 'Duct Scheme' atau kebal2 talipon di-bawah tanah di-Pekan Tutong.

Tawaran bagi mengendalikan kerja2 telah pun di-serahkan kepada Haji Ya'akub bin Zainal, sa-orang pemborong tempatan.

Feraduan kanak2

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perkumpulan Perempuan Brunei akan menganjurkan peraduan kanak2 bagi kali yang kelima dalam bulan April hadapan.

Peraduan itu akan di-adakan pada hari Jumaat 23 April, tetapi bagaimana pun tempat dan waktu peraduan itu akan di-umumkan kemudian.

Peraduan tersebut ada-lah terbuka kepada kanak2 di-Daerah Brunei-Muara ia-nya akan di-bahagikan kepada dua bahagian — bagi kanak2 yang berumur antara empat hingga tiga belas bulan dan antara 14 hingga 24 bulan.

Borang2 untuk menyertai peraduan boleh di-dapati pada 23 Mach ini.

Hadiah2 yang menarik akan di-berikan kepada pemenang2 pertama, kedua dan ketiga dalam tiap2 bahagian.

Kerja2 itu melibatkan pemasangan kira2 17,600 ela P.V.C. Duct yang berukuran 3½ inchi dan 7,900 ela yang berukuran dua inchi serta pembinaan lobang2 pemereksaan ka-saloran di-bawah tanah.

Scheme itu apabila siapa dalam bulan September nanti, ia-nya akan memberikan kemudahan perkhidmatan talipon melalui kebal yang baru di-kawasan itu.

Di-samping itu sa-buah bangunan ibu sawat talipon yang baru juga akan di-bena bagi menggantikan bangunan yang ada sekarang.

Bangunan baru itu nanti akan di-lengkapkan dengan ibu sawat talipon otomatis.

Alat2 perkakas ibu sawat itu telah pun di-pesan dari United Kingdom. Alat2 itu nanti akan di-pasang dan di-awasi oleh kaki-tangan jabatan itu.

Projek saloran ayer kotor di-KB dan Seria di-gunakan bulan Okt.

KUALA BELAIT. — Bahagian besar projek sistem pengaliran ayer kotor yang moden di-kawasan bandaran Kuala Belait dan Seria akan dapat di-gunakan dalam bulan Oktober tahun ini.

Awang A. Nadarajah, jurutera perunding Sharikat J.D. & D.M. Watson, yang mengawasi kerja2 pembinaan-nya, bagi pehak kerajaan menyatakan bahawa 75 peratus dari projek itu sudah pun siap.

Kata-nya steshen pengepam yang besar di-Kuala Belait sudah pun siap. Dua lagi steshen di-Seria akan siap akhir bulan ini.

Empat belas buah steshen kechil di-Kuala Belait dan Seria juga telah siap dan kerja2 pembinaan empat yang lain-nya di-jangka siap dalam masa dua bulan lagi.

Awang Nadarajah berkata, pemasangan jentera2 pengepam di-steshen yang telah siap itu sedang di-laksanakan dan kesemua-nya di-jangka siap dalam bulan September.

Kata-nya, 98 peratus saloran di-Seria telah di-pasang dan kerja2 memasang yang baki-nya sedang berjalan lancar beberapa kawasan2 perpindahan, sa-batu jauh-nya dari pekan Seria.

Di-Kuala Belait, semua saloran telah di-pasang kechuali di-sa-buah kawasan tanah paya yang di-tambak. Kerja2 pembinaan tempat pembuangan najis di-Kuala Belait yang di-tangguhkan beberapa bulan lalu kerana chuacha burok, akan di-teruskan dalam bulan Mei. Sa-banyak dua steshen seperti itu akan di-sediakan.

Projek yang di-anggarkan menelan belanja sa-banyak \$11.2 juta itu telah di-mulakan dalam tahun 1968 dan di-usahakan oleh Sharikat Pembinaan China.

Brunei akan sertai pertandingan karate sa-dunia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Jodo-Karate Amator Negeri Brunei merancang hendak menghantar satu pasukan untuk mengambil bahagian dalam pertandingan Karate Sa-dunia yang kedua yang akan di-adakan di-Paris dalam bulan April tahun depan.

Keputusan ini telah di-cha-nai dalam mashuarat agong tahunan persatuan itu yang telah di-adakan baru2 ini.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, rancangan sedang di-ator untuk melatoh ahli2-nya dan kemud'an-nya untuk memilih ahli2 pasukan

yang akan mewakili Brunei dalam pertandingan Karate Sa-dunia itu.

Persatuan itu sekarang ini mempunyai sa-ramai 140 orang ahli di-seluruh negeri.

Juruchakap itu menyatakan bahawa bayaran bulan bagi sa-orang ahli sekarang di-turunkan dari \$60.00 kepada \$45.00 ini ada-lah bagi menggalakan orang ramai memasuki persatuan itu.

Dalam mashuarat tersebut sa-buah jawatankuasa untuk mengelolakan persatuan itu bagi tahun 1971/1972 juga telah di-pilih. Ahli2 jawatankuasa itu ada-lah seperti berikut:-

Presiden — Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

Naib-Presiden — Chegu Jalil bin Abdul Rahman dan Awang Haji Abdi Manaf bin Penyurat Haji Abu Bakar.

Setia Usaha — Awang Kasim bin Mudzaffar dan Awang Vincent B. Rajaratnam. **Bendahari Agong** — Awang Foo Ah Kow.

Awang Zainal Ladi, Louis Lin dan Jimmy Voon telah di-pilih sa-bagai ahli2 jawatankuasa.

Jurulatih ia-lah Awang T. Takaji.

RASULULLAH s. a. w. dalam sa-
buah hadith riwayat Bokhari dan
Muslim daripada Abu Hurairah r.a. te-
lah bersabda antara lain bermaksud:

*"Ada tujuh macham manusia yang
di-lindungi Allah pada hari yang tiada
lagi sa-barang perlindungan melainkan
hanya-lah perlindungan-nya (hari kia-
mat) ia-itu perentah yang adil, pemuda
yang terasoh beribadat kepada Allah
dan orang yang hati-nya sentiasa tiada
lupakan mesjid hingga akhir hayat-
nya."*

Itu-lah kelebihan orang yang
akan di-kurniakan Allah kapa-
da orang yang ada perasaan
kaseh kepada mesjid. Ada pun
yang di-maksudkan kaseh ka-
pada mesjid itu ia-lah keingin-
an yang tiada padam2 hendak
beribadat di-dalam mesjid serta
menghormati kedudukan
mesjid itu sa-bagai rumah iba-
dat.

Mesjid ada-lah di-anggap
oleh Ugama Islam sa-bagai ru-
mah ibadat yang mempunyai
taraf kedudukan yang paling
tinggi di-sisi Allah daripada
lain2 bangunan di-dalam sa-se-
buah negeri itu kerana itu
Ugama Islam telah menetapkan
beberapa peratoran bagi
maksud menjaga kebersehan
dan penghormatan-nya sesuai
dengan taraf-nya yang demik-
ian istimewa di-sisi Allah.

Ada-lah menjadi tanggung-
jawab umat Islam bagi meng-
awal mesjid daripada di-nodai
oleh sa-barang pehak yang ti-
dak bertanggung-jawab meng-
awal dan menjaga kebersehan
mesjid itu luar dan dalam-nya
lebih daripada tanggung-jawab
kita menjaga rumah-tangga
kita sendiri. Dalam hal ini Ra-
sulullah s.a.w pernah bersabda
yang bermaksud:

Bukit Sawat punyai sa-buah sekolah baru

KUALA BELAIT. — Sekolah
Melayu Bukit Sawat yang ba-
ru telah siap di-bena dan di-
serahkan kepada Jabatan Pe-
lajaran dalam bulan Disember
tahun lepas.

Satu ranchangan telah pun
di-ator bagi merasmikan pem-
bukaan sekolah itu pada 10
April hadapan.

Sekolah tersebut akan di-
beri nama baru sempena de-
ngan pembukaan-nya.

Sekolah tersebut mempun-
yai enam buah bilek darjah,
sa-buah pejabat untuk guru
besar, sa-buah bilek rehat
guru2.

Sekolah itu telah di-bena de-
ngan belanja \$132,200.

Sekolah tersebut ada-lah
yang kedua di-bena di-Bukit
Sawat dan pada masa seka-
rang mempunyai sa-ramai 122
orang murid.

Kelebihan yang di-kurniakan Allah kapada orang yang kaseh kapada mesjid

KHUTBAH JUMA'AT

**"Ada-lah menjadi kewajipan
umat Islam bagi mengawal mesjid
dari di-nodai oleh sebarang
pehak yang tidak bertanggung-jawab"**

*"Bahawasa-nya mesjid2 ti-
dak patut di-bawa masuk di-
dalam-nya najis2 saperti ayer
kenching dan lain2 kotoran, ke-
rana bahawasa-nya mesjid2 itu
ia-lah tempat2 menyebut2 na-
ma Allah dan tempat mem-
bacha Quran."*

Ugama Islam telah juga
membuat peratoran supaya
orang2 Islam yang masuk ka-
dalam mesjid hendak-lah mem-
beri hormat kepada mesjid de-
ngan chara bersembahyang
sunnat tahyatal Mesjid, sa-
bagaimana sabda Rasulullah
s.a.w., riwayat Bokhari dan
Muslim daripada Abi Qatadah
r.a. yang bermaksud:

*"Apabila masuk salah sa-
orang daripada kamu ka-mes-
jid, maka jangan-lah ia dudok
melainkan lebih dahulu ia
mengerjakan dua raka'at (sem-
bahyang kerana menghormati
mesjid)"*

Tiga orang berkursus di-M'sia

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Tiga orang pegawai Pasok-
an Bomba telah berlepas ka-
Malaysia pada hari Ahad lepas
untuk menghadiri kursus la-
tehan pegawai di-Pusat Latehan
Bomba di-Kuala Lumpur sa-
lama lima bulan.

Mereka ia-lah Pengiran
Daudin bin Pengiran Haji
Tengah, sa-orang pegawai ba-
lai, Awang Sajir bin Haji Has-
san dan Awang Abu Bakar bin
Ali Hashim kedua-nya Penol-
ong Pegawai Balai.

Semasa menjalani latehan
mereka juga akan mempelaj-
ari chara penggunaan alat2
pertolongan chemas, dan lain2
aspek perkhidmatan bomba.

Di-samping itu ugama kita
ada-lah juga membuat pene-
rangan supaya menjauhkan
orang2 yang tidak dapat di-
pertanggung-jawabkan bagi
mengawal ketenteraman dan
kebersehan mesjid saperti
orang2 gila, kanak2 yang bu-
kan di-bawa kerana tujuan
ibadat atau mengerjakan per-
kara kebajikan dan orang2
yang suka membuat kachau
dan bising di-dalam mesjid, sa-
bagaimana sabda Rasulullah
s.a.w. yang bermaksud:

*"Jauhi-leh oleh kamu mes-
jid2 kamu daripada orang2
gila, kanak2 dan mengangkat
suara kamu."*

Daripada hadith ini jelas-lah
kapada kita bagaimana ugama
kita menempatkan mesjid sa-
bagai satu2-nya tempat yang
mempunyai taraf kehormatan-
nya tersendiri yang perlu di-
fahami benar2 oleh mashara-

kat Islam, supaya jangan sam-
pai ada sa-tengah kanak2 dari-
pada kalangan masharakat kita
yang bukan sahaja kadang2
keluar masuk ka-dalam atau
sekitar kawasan mesjid bukan
dengan tujuan2 ibadat atau
melakukan perkara2 kebaji-
kan, tetapi kadang2 kita dapati
ada yang telah berani mero-
sakkan harta benda dan per-
kakas mesjid.

Ugama kita bukan-lah me-
larang kanak2 Islam memasoki
mesjid atau kawasan-nya,
malahan mereka ada-lah di-
galakkan supaya datang ka-
mesjid bagi tujuan2 melateh
diri beribadat dan membuat
amal kebajikan, tetapi apa
yang di-larangkan di-sini ia-lah
perbuatan2 nakal yang boleh
menodai kehormatan dan ke-
bagusan mesjid saperti perkara
yang di-sebutkan tadi.

Oleh yang demikian ada-lah
di-serukan supaya bersama2-
lah kita menjaga dan meng-
awal kebersehan mesjid serta
memberikan penghormatan
yang wajar kapada-nya, di-
samping memberikan tegoran
dan bimbingan yang membena
kapada anak2 kita supaya me-
reka itu tidak akan terbiasa
melakukan perbuatan2 nakal
yang boleh menyentoh kehorm-
atan mesjid. Mudah2an de-
ngan demikian kita akan ter-
masuk orang yang akan di-
lindungi Allah pada hari kia-
mat.

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi
Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari
Rabu 17 Mach, 1971 hingga ka-hari Selasa 23 Mach, 1971
ada-lah saperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
17 Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25	
18 Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25	
19 Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25	
20 Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25	
21 Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23	
22 Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23	
23 Mach	12-32	3-50	6-35	7-46	4-54	5-09	6-23	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait
hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai
pada pukul 12-45 tengah hari.



17bb. Mach, 1971.

PERIKANAN

SAPERTI hai2 perbekalan, maka perikanan ada-lah satu perkara yang mustahak bagi penduduk2 di-mana juga kha-nya di-negara2 sa-belah sisi. Berbagi2 usaha telah di-laksanakan untuk memubahkan perbekalan perikanan ini. Projek demi projek di-laksanakan dan perbaikan pada cha-raz pemungkap ikan yang leleh nelayan2, tetapi juga untuk kepentingan perbekalan ikan bagi rasyat jelata.

Brunei telah pun mengadakan sa-buah Jabatan Perikanan yang pada peringkat awal ini telah memunculkan perhatian kepada pemeliharaan ikan2 ayer tawar dan menggalakkan penduduk2 negeri untuk berusaha dalam lapangan tersebut. Jabatan tersebut bersedia memberikan bantuan2 moral kepada penduduk2 yang ingin untuk memelihara ikan2 juis yang demikian. Dalam pada itu, sa-jauh ini Jabatan Perikanan juga telah memberikan sumbangan yang besar kepada ikan2 ayer tawar yang dapat sambutan yang baik di-kalangan penduduk2 di-senama daerah negeri ini.

Peluang untuk membuka kolam ikan ini dengan menerima bantuan2 moral dari pihak Kerajaan ada-lah senifika ter-buka. Peluang ini harus di-am-bil oleh penduduk2, ter-masuknya anak2 sendiri, yang mahab terburu dengan tidak meng-hasilkan apa2 pun.

Ikan2 ayer tawar ada-lah jenis2 ikan yang bermutu dan memberikan faedah yang lebeh kepada kesihatan. Sa-lain dari itu, jika usaha ini di-laksanakan, maka penguasa-nya juga akan menerima pendapatan yang lebeh baik jika di-bandingkan dengan hasil penat telah yang tidak sa-berapa untuk men-jaga kolam2 ikan itu. Men-e-luirlah ikan yang demikian dapat menyulitkan tenaga kita dari di-murakan dengan ba-yak. Pada peringkat awal, kha-nya sa-sakin mem-buat kolam2 ikan itu memang-lah agak berat sedikit, tetapi sa-laput in ia-nya tidak-lah de-mikian.

Penduduk2 di-kampung2 pedalaman di-negeri ini harus memarah perhatian mereka ka-dalam lapangan memelihara ikan ini untuk memubahkan lakukannya. Jabatan2 yang berkenaan ada-lah bersedia memberikan tunjuk ajar di-samping menyediakan benet2 ikan yang hendak di-pelihara.

DARI Pengerusi PERADUAN

"KEMENANGAN bukan-lah dahan untuk beristirahat, dan kekalahan merenok rasa dan membelah chita2. Sa-tiap peraduan, apa saja chorak dan bentuk-nya, ada-lah berpang-kal dan berujung, kemenangan



Awang Mahmud bin Haji Bakyr, Pengerusi Peraduan Penulis Cherpen Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei ketika menyampaikan ucapan dalam majlis penyampaian hadiah pada hari Jumat lepas.

DENGAN sa-chara yang mengejut saja penulis2 wanita kita telah muncul dengan kejayaan2 yang besar dan menumpahkan penulis2 lelaki ter-masuk beberapa orang penul-is2 yang agak establish di-tanah ayer kita ini.

"Satu pukan t.k.o dari ayunan pena penulis wanita telah menyebabkan pena penul-is2 lelaki tidak terdaya lagi untuk bangun melawan," kata sa-orang penulis dalam pe-nyampaian hadiah2 kepada pemenang2 cherpen kanak2 dan dewasa anjoran Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei. Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Pengarah DBP, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama (Dr.) Haji Awang Md. Jamil Al-Sufri.



Dayang Norsiah binte Abdul Gapor.

dan kekalahan. Tetapi seperti juga dengan penghidupan, ada-lah paling chelaka kalau sa-tiap kekalahan merengkul diri, lantas tutup mata tutup telinga, tarek selimut mengem-bargo diri, sedang di-luar jen-dila burung2 berkibatuhan, anak2 riuh bermain, keringat, tani tumpah ka-bendang, nelayan meniti ombak bertarong nyawa. Itu bukan-lah sifat se-niman, sudah pasti. Kalau penghidupan ini di-sifatkan sa-bagai perjuangan, duduk-nya sa-orang seniman ada-lah di-pepanduan, dia-lah kepala jalan, menebas samak-samun untuk orang2 di-belakang-nya dapat berjalan dengan selamat. Dan sudah pasti, si-seniman itu, se-luar baju-nya akan chalar balar, nyamok agas akan menghimpun darah-nya, dari akan menchukil daging-nya, tetapi apa-lah tekanan lahir kalau di-bandingkan dengan kepadatan nilai batin da-lam usapan chita2? Penulis yang bergayut di-dahan azam yang rapoh tidak akan dapat berayun membawa chita2 berna-sa-nya, melimpasi tembok kejehlan dan gugatan yang mendera, ka-padang firdausi yang di-rezai2 Tuhan.

TUJUAN DASAR

Demikian-lah di-dalam kedua bahagian peraduan ini, baha-

kanak2 itu ada-lah terdiri dari penulis2 yang baru muncul. Mereka ia-lah Awang Zaini Tuah dan Ak. Aji Pg. Md. Tahir.

Dalam wawanchara singkat, cherpenis wanita yang memenangi hadiah pertama dalam peraduan cherpen kanak2 dan pemenang kedua dalam cherpen dewasa telah monekakan kemenangan-nya sa-bagai suatu mimpi.

"Saya tidak menduga akan kemenangan saya dalam kedua2 per-aduan itu," kata-nya sambil menguap2 dua buah Kamus De-wan dan mereng sa-jenak dua buah sijil yang siap berbilang ka-pada hadiah yang baru saja di-terima-nya dari Pengarah DBP.

Nama penuh cherpenis wanita yang penuh dengan azam ini ia-lah Dayang Norsiah binte Abd. Gapor dari Jalan Bolkiah, Seria. Berumur 18 tahun, masih menun-tut di-Maktab Anthony Abell da-lam Tingkatan Lima. Beliau meng-kanak azam-nya untuk melatikan pelajaran sa-hingga ka-Uni-versiti.

Dayang Norsiah giat dalam ka-rang mengarang dengan ditrongkan beberapa orang guru di-sekolah-nya. Dalam peraduan mengarang di-maktab, untuk tingkatan menengah dalam bahasa Inggeris, Da-yang Norsiah telah memenangi hadiah pertama. Tetapi hadiah wang tunai yang di-terima-nya dari kemenangan itu telah di-hadiah-kan-nya semula untuk majalah maktab-nya, di-mana beliau giat menyebarkan karya2-nya. Dayang Norsiah juga ia-lah salah sa-orang dari anggota sidang penga-rang bagi majalah Maktab An-thony Abell dan menjadi Penga-rang umum dalam School Bulletin yang di-terbitkan di-maktab ter-sebut pada hari2 penggal persekula-han.

KAPADA PENULIS2

le-wesa dan kanak2, di-dasar-nya sa-bagai salah satu aspek dalam identiti Brunei, sudah pasti. Kalau penghidupan ini di-sifatkan sa-bagai perjuangan, duduk-nya sa-orang seniman ada-lah di-pepanduan, dia-lah kepala jalan, menebas samak-samun untuk orang2 di-belakang-nya dapat berjalan dengan selamat. Dan sudah pasti, si-seniman itu, se-luar baju-nya akan chalar balar, nyamok agas akan menghimpun darah-nya, dari akan menchukil daging-nya, tetapi apa-lah tekanan lahir kalau di-bandingkan dengan kepadatan nilai batin da-lam usapan chita2? Penulis yang bergayut di-dahan azam yang rapoh tidak akan dapat berayun membawa chita2 berna-sa-nya, melimpasi tembok kejehlan dan gugatan yang mendera, ka-padang firdausi yang di-rezai2 Tuhan.

Manusia Brunei yang ki-ta kehendaki bukan-lah menu-sia yang saban hari bergelut dengan khayal, hayang dan omong-nya, tetapi manusia yang chakap-nya datang dari kepala, pandai berchakap pan-dai bekerja, pandai menilai dan memilih. Tegus-nya sa-orang manusia yang positif dalam meniti jalor penghidupan. Ten-tu kita juga ingin melihat ia menampakkan ragam identiti ke-Bruneian yang positif, satu takah ka-muka untuk men-jangkau nasionalisme Brunei dalam zaman pembangunan ini.

TANGGONG-JAWAB

Tanggong-jawab penulis, tegus-nya sasterawan yang ber-senjatakan bahasa, ada-lah amat berat dan hendak-lah di-pikni dengan penuh kesedaran. Sastera ada-lah menchekukan emosi dan emosi dapat chon-dong ika-kiri atau ka-kanan. Di-sini-lah teletak peri un-tah-nya morale yang tinggi dan daya pemikiran yang luas bagi sa-orang penulis2

DI-SEBALEK KEJAYAAN PENULIS2 WANITA KITA

HADIAH PERTAMA

UTOK "CHE'GU"

MUHUKAN REBOLUSI"



Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri sedang menyampaikan ucapan kenangan kepada Dayang Norsiah binte Abdul Gapor, pemenang pertama dalam peraduan menulis cherpen bahagian dewasa.

Cherpen kanak2-nya yang mendapat hadiah pertama itu di-beri judul "Si-Puteh" yang membawa moral savaigian kepada binauag. Si-Puteh ia-lah nama sa-ekor ku-ching. Cherpen dewasa-nya yang mendapat hadiah kedua berjudul "Kawan Sa-Kimar Astrang" yang berthemakan keagamaan.

Sa-orang lagi penulis wanita yang berjaya dalam peraduan itu ia-lah Dayang Rosmah binte Tuah, sa-orang guru agama dari Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait. Dayang Rosmah berumur 21 tahun dan baru saja mendirikan rumah tangga telah berjaya men-dapat hadiah pertama dalam bahagian dewasa dan hadiah peng-hargan dalam bahagian cherpen kanak2.


Menurut beliau, ini-lah kali per-tama beliau memasuki peraduan karang mengarang untuk mencho-ba kebolehan-nya. Beliau telah mula menulis sejak tiga tahun yang lalu. Jurusan penulisan yang di-gemari-nya ia-lah cherpen. Beliau amat bergembira atas kemenangan yang "tidak di-duga"nya itu.

Keika di-tanya Dayang Rosmah berkata: "Saya tidak di-durong oleh sa-siapi pun, melainkan dengan dorongan keinginan sendiri untuk menulis".

"Keinginan itu timbul dengan tiba-tiba. Entah bagaimana saya bagitu tertarik untuk menyertai peraduan itu," dengan perasaan yang gembira beliau menyatakan.

Di-tanya, apakah beliau akan terus menulis sa-telah berumah-tangga. Dayang Rosmah men-jawab: "Itu terpalang-lah kepada keaduan. Tetapi saya berhasrat un-tuk terus menulis".

Dalam wawanchara itu, kita ber-kesempatan juga menemui dua orang penulis wanita yang berjaya mendapat hadiah2 penghargaan termasuk gadis Tonghua.



Pengarah DBP, Y.B. Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Utama (Dr.) Hj. Awang Md. Jamil Al-Sufri bersama2 dengan pemenang2 peraduan: Dayang Norsiah, Dayang Rosmah, dan Dayang Chua Siew Len (dari kiri).

Dayang Chua Siew Len (dari kiri) dan Dayang Norsiah binte Haji Mohd. Kassim, kedua2-nya un-tuk dapat hadiah penghargaan.

Dengan cherpen "Anak Kampong Cherta" Kampong" telah memenangi cherpenis Dayang In-tan Haji Mohd. Kassim, 17 tahun, dari Jalan Muluat, Kampong Seng-kurong. Dayang Intan juga tidak menyangka yang dia akan meneri-ma hadiah, kerana cherpen itu di-ulis sa-chara sambil lewa saja.

"Dengan kemenangan ini saya akan terus menulis untuk mengu-pi kesenangan saya di-masa depan," jelas-nya.

Sa-tengha2 orang mungkin me-rasa terpanjat timbul-nya sa-orang gadis Tonghua dalam ge-langgang penulisan cherpen Mela-yu di-Brunei, tetapi bagi sa-tengha2-nya pula tidak merasa heran ke-rena ia-nya merupakan satu per-kerja biasa saja. Namun demikian ia-nya merupakan satu per-kem-bangan dari kesan usaha mem-perkembangkan penggunaan Baha-sa Melayu di-kalangan orang2 bu-kan Melayu di-negeri ini.

Kemampuan Dayang Chua Siew Len dari Kampong Maungis, Jalan Muara ada-lah satu pakuhan hebat kepada penulis2 tanah ayer dan telah menjangk sejarah penulisan di-negeri ini yang tidak dapat di-lupakan.

Kerana menggunakan alamat di-Jalan Muara ada-lah lebeh me-yakinkan sa-tengha2 orang baha-sa kaum Tonghua di-Muara di-sifatkan sa-bagai orang Tonghua pada drah-nya, tetapi mereka budi fessh berbahasa Melayu. Dan sa-bilangan besar anak2 me-rol bersekolah Melayu.

Tetapi, Dayang Chua bukan dari Muara, sabener-nya. Dia datang dari Tutong dan bersekolah di-Sekolah Melayu Muda Hashim sa-hingga-lah dia terpilih untuk me-lanjutkan pelajaran di-Sekolah Tinggi Perempuan Raja Istori di-Bandar Seri Begawan. Chua ber-umur 14 tahun dan masih menun-tut dalam tingkatan tiga.

Dayang Chua berikar akan te-rus berusaha dalam lapangan pe-nulisan Cherpen Melayu sa-hingga mencapai ka-darjah penulisan yang lebeh baik lagi.

Dalam wawanchara itu, kita ti-dak berkesempatan menemui penul-is2 lelaki yang berjaya. Ickuall cherpenis dan penyair Awang Ibrahim Haji Mohammad atau Rahim MS.

Pada hari itu, Awang Ibrahim sugul saja nampak-nya. Ketika di-tanya: "Saya tidak kesal menda-pat hadiah ketiga. Saya amat ter-hara kemunculan penulis2 wanita dengan karya2 yang bagu gemilang".

Cherpenis dan penyair yang gemar mengutarakan dunia sen-man dalam karya2-nya itu meny-rankan bahawa dunia sastera di-Brunei sudah nampak kemajuan-nya.

"Memang Brunei mempunyai penulis yang banyak, chuma ge-langgang untuk mengasah. Pera amat kurang," kata-nya. "Telapi langkah DBP amat menggalakan dan mudhan penulis2 Brunei akan bungkit semula sa-telah istih-at bagitu lama." Jelas-nya.

Di-samping mendapat hadiah ketiga dalam cherpen dewasa, be-liau juga menerima hadiah peng-hargan dalam bahagian cherpen kanak2.

Samperti cherpen2-nya yang lain, Awang Ibrahim mengemukakan cherpen-nya "Richara Seniman" yang mendapat hadiah ketiga itu.

Awang Ibrahim ia-lah sa-orang guru dan sekarang mengajar di-Sekolah Menengah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait.



TIGA buah kapal Tentera Laut Di-Raja Thai telah mengadakan lawatan ka-Brunei selama empat hari pada minggu lalu. Dua buah dari kapal itu — HTMS Maeklong dan HTMS Phosampton telah bertambat di-Tambatan Kastam Di-Raja Bandar Seri Begawan sementara yang sa-buah lagi berlaboh di-pelabuhan Muara.

Sa-masa berada di-sini, kapal2 itu telah di-buka kepada orang ramai. Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari orang ramai yang melawat ka-kapal itu sedang diberi penerangan oleh salah sa-orang anak buah kapal tersebut mengenai dengan alat kelengkapan di-atas kapal tersebut.

Ikan2 untok Aquarium Hassanal Bolkiah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Perikanan telah membawa masuk sa-bagai pengiriman yang pertama sa-banyak 650 ekor ikan2 ayer tawar, bagi Aquarium Hassanal Bolkiah.

Ikan itu telah tiba dengan kapal terbang dari Singapura minggu lalu dalam bag2 plastik.

Antara 17 jenis ikan yang di-bawa masuk itu termasuk

beberapa ikan Piranha.

Ikan **Discus**, ia-itu sa-jenis ikan yang amat di-gemari antara ikan2 aquarium ada-lah juga termasuk dalam kiriman itu, sa-jenis ikan yang makan ikan dan sa-bagai-nya yang bernama **Oscar**, juga ikan julong2 Amerika berwarna emas, ikan **Cichlid** dari Africa berwarna ungu, dan beberapa jenis ikan Asia Tenggara.

Pemenang2 peraduan menulis skrip drama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Asterawani telah mengadakan malam drama di-Dewan Persekutuan Guru2 Melayu Brunei di-Bandar Seri Begawan pada minggu lepas.

Achara2 yang telah di-persembahkan pada malam itu termasuk sa-buah drama purba dan nyanyian2 oleh penanyi2 tempatan.

Drama yang di-persembahkan itu ia-lah salah satu dari skrip2 yang menang dalam peraduan menulis skrip drama

yang di-anjorkan oleh persatuan itu dalam bulan Ogos tahun lepas.

Peraduan itu telah di-bahagikan dalam dua bahagian — menulis skrip drama moden dan menulis skrip drama purba.

Yang Di-Pertua Majlis Belia Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin telah menyampaikan hadiah2 kepada pemenang2 dalam peraduan itu.

Keputusan2 peraduan itu ia-lah skrip drama purba pertama Awangku Aji bin Pengiran Tahir, kedua Awang Abdul Rahman bin Mohamed Yusof dan ketiga Awang Mohamed Yusof bin Haji Muhammad.

Dalam bahagian peraduan menulis skrip drama moden pertama Awang Mohamed Salleh bin Abdul Latiff, kedua Dayang Hapsah binte Shahari dan ketiga Awang Abdul Rahman Yusof.

Hadiah wang tunai kapada penghuni2 Rumah Orang Tua

SERIA. — Sharikat Guthrie Waugh Berhad telah menderma sa-banyak \$384.00 kepada penghuni2 Rumah Orang Tua di-Seria bersempena dengan hari ulang tahun yang ke-50 tahun sharikat itu.

Awang R. Richman, Pengarah Pemasaran Badan Perdagangan Am sharikat itu di-Singapura, telah menyampaikan wang itu kepada tiap2 orang penghuni di-rumah itu minggu lalu.

Di-antara yang hadir di-upacara penyampaian itu ialah Awang J. A. Haywood, Pengurus Agong dan Pengarah Sharikat Jardin Waugh di-Singapura, Awang T. M. Walker, Pengarah Guthrie Waugh di-United Kingdom dan Awang Sng Cheng Hock, Pengurus Jualan Kawasan Borneo Guthrie Waugh di-Bandar Seri Begawan.

Sekarang ini ada sa-ramai lima puluh lapan orang penghuni di-rumah itu termasuk enam orang perempuan.

Sukan tahunan

SERIA. — Sekolah St. Michael dan Sekolah St. Angela telah mengadakan temasha sukan tahunan bersama di-Gelanggang sukan, Seria pada hari Sabtu lepas.

Temasha sukan itu telah dirasmikan oleh Pegawai Daerah Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan.

Lebih dari 150 orang murid2 lelaki dan perempuan dari dua buah sekolah itu telah mengambil bahagian dalam 60 acara.

Dua puluh dua di-antara acara2 itu telah di-jalankan terdahulu sa-belum itu.

SI-TUYU oleh: m. salleh ibrahim



JAWATAN-JAWATAN KOSONG DAN KENYATAAN TAWARAN

Sa-bagai Talipon Operator

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Talipon Operator di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Mesti-lah lulus Darjah V Sekolah Melayu dan Form II Inggeris.

Umor:

Di-antara 16 dan 25 tahun.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E, 1-2

Sa-bagai Serang Tingkat II

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang berkelayakan yang terdiri daripada raayat D.Y.M.M. Sultan untuk jawatan Serang Tingkat II di-Jabatan Kastam dan Bea, Brunei.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 22 tahun dan mempunyai sekurang-nya 6 tahun pengalaman di-laut yang mana 2 tahun sekurang-nya ada-lah sa-bagai Kelasi Tingkat I (Deck).

b) Pemohon2 mesti-lah mempunyai Sijil Kecekapan sa-bagai Mate Coastal Trade Ship.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E, 2 EB 3 — \$240x10-270/EB/280x10-330.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 29 Mach, 1971.

Jururawat Gigi Perchubaaan

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri dari rayaat D.Y.M.M. Sultan untuk di-lantek ka-jawatan Jururawat Gigi Perchubaaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah telah mencapai umur 17 tahun tetapi tidak lebih dari 28 tahun dan mereka mesti-lah bujang. Mereka mesti-lah lulus sekurang-nya Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang sa-banding dengan-nya. Keutamaan akan di-berikan kepada mereka yang lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Seberang Laut.

Gaji:

Jururawat2 Gigi Perchubaaan — D. 1 EB 2 — \$210x10-260/EB/270x15-360.

Jururawat2 Gigi Terlatih — D. 3 — \$380x20-480.

Tempoh Perchubaaan:

a) Chalun2 yang terpilih akan di-lantek dalam perchubaaan sa-lama 3 tahun 4 bulan sa-bagai Jururawat2 Gigi Pelajar dan di-kehendaki menjalani latihan di-Sekolah Pergigian Persekutuan di-Pulau Pinang atau lain2 pusat latihan yang tertentu. Latihan di-Pulau

EB 3 — \$200x10-230/240x10-270/EB/280x10-330.

Tugas:

Siang dan malam di-Rumah Sakit, Daerah Kuala Belait, Negeri Brunei.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Mach, 1971.

Pembantu Perpustakaan

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sa-bagai Pembantu Perpustakaan di-Maktab Perguruan Brunei, Brunei.

Kelayakan2:

Sekurang-nya lulus peperiksaan L.C.E. (Inggeris) atau yang bersamaan dan lulus bahasa Melayu.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D, 1 EB 2 — \$210x10-260/EB/270x15-360. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 27 Mach, 1971.

Pinang, Malaysia, ini akan mengambil masa sa-lama 2 tahun 4 bulan.

b) Sa-telah menamatkan latihan di-Pulau Pinang, atau di-mana2 tempat latihan, Jururawat2 Gigi Perchubaaan akan di-kehendaki bertugas di-Klinik2 Pergigian Brunei dibawah pengawasan Pegawai Pergigian sa-lama satu tahun.

Tugas2:

Jururawat2 Gigi Perchubaaan akan di-tempatkan di-Klinik2 Gigi di-Sekolah2 di-seluruh Negeri. Pakaian seragam akan di-beri per-chuma.

ALAON:

Semasa menjalani latihan di-Pulau Pinang atau di-mana2 tempat latihan, alaon sara hidup sa-banyak \$5.00 sa-hari akan di-beri dan \$30.00 sa-bulan bagi alaon kenderaan dan sewa tempat tinggal yang di-persetujui akan di-bayar.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei, tidak lewat daripada 30 Mach, 1971.

SA-BAGAI PEGAWAI IMIGERESEN

Pemohonan2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalun2 yang terdiri dari raayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pegawai Imigresen di-Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Brunei.

Kelayakan2:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus Tingkatan III Inggeris dan Darjah IV Melayu.

b) Chalun2 yang di-lantek mesti-lah berumur 18 tahun dan 25 tahun.

Tugas2:

Chalun2 yang berjaya mesti-lah bersedia bertugas di-mana2 tempat di-negeri ini.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D.1-2-3

Tawaran akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran, di-Pejabat Kewangan Negara, Bangunan Pejabat2 Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, tidak lewat daripada hari Isnin 12 April, 1971 kerana:

PENGURUSAN RUMAH PERSINGGAHAN KERAJAAN DI-BANGAR, TEMBURONG.

Rumah Persinggahan itu mempunyai alat2 memasak, pinggan2 peti2 sejok, meja2 dan kerusi2 makan dan lain2-nya.

Pemborong yang berjaya tidak di-benarkan menyewakan kebenaran berniaga yang telah di-perolehi itu, kepada orang lain. Walau bagaimana pun dia ada-lah di-kehendaki menggaji sa-kurang-nya sa-orang pembantu. Dia dan pembantu-nya ada-lah di-kehendaki tinggal di-Rumah Persinggahan itu.

Pemborong yang berjaya ada-lah di-kehendaki menyediakan minuman2 ringan dan barang2 masakan kepada Pegawai2 Kerajaan, yang terdiri daripada berbagai bangsa. Minuman2 keras boleh-lah diadakan terta'alok kepada kebenaran yang di-perolehi daripada Lembaga Melesen Minuman2 Keras, Brunei.

Harga barang2 makan dan minuman2 ada-lah mengikut persetujuan antara pemborong dengan Pejabat Daerah, Temburong.

Pemborong yang berjaya akan di-kehendaki menandatangani satu perjanjian untuk tidak lebih daripada 2 tahun dengan Pejabat Daerah, Temburong.

Pemborong yang berjaya dan pembantu-nya ada-lah di-kehendaki lulus peperiksaan Kesihatan, sa-belum di-benar-

EB 4 — \$210x10-270x15-360x20-480/EB/500x20-620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan masing2 siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 18 Mach, 1971.

kan memulakan perniagaan.

Tawaran2 di-masukkan dalam sampul surat yang tertutup. Di-luar sampul surat itu hendak-lah di-tulis 'Catering of the Government Rest House in Bangar' dengan tidak menyatakan nama pengirim-nya. Tawaran2 itu mesti-lah di-alamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Brunei, Bandar Seri Begawan.

Tawaran yang salah alamat tidak akan di-layan.

Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang tertinggi atau pun sa-barang tawaran.

Tawaran2 akan di-terima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di-Pejabat Pegawai Kewangan Negara hingga jam 4.00 petang, 15 April, 1971 kerana:


MEMBEKALKAN KERUSI MAKAN UNTUK DEWAN JAMUAN, DEWAN MAJLIS, BANDAR SERI BEGAWAN.

300 kerusi kayu jati tanpa tempat rehat lengan, berlapis tempat duduk-nya (cushion bueh getah) dan berlapis tempat sandar.

Penawar2 ada-lah di-kehendaki membayar deposit tawaran sa-banyak \$100.00 dan ini akan di-kembalikan kepada penawar2 yang tidak berjaya.

Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampul surat biasa dan di-alamatkan seperti para 1 di-atas dan di-tanda dengan jelas "Tawaran untuk KERUSI MAKAN BAGI DEWAN JAMUAN DEWAN MAJLIS".

Jangan sa-kali2 ada tanda2 mengenai nama penawar di-atas sampul surat yang sa-demikian.



Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim di-alu2kan oleh Pemerintah Skuadran Kedet Tentera Laut Di-Raja Thai, Laksamana Muda Prabhat Chandvirach apabila Yang Amat Mulia itu melawat kapal2 itu pada hari Rabu lepas.

Jemaah2 haji tiba awal bulan depan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sa-ramai 170 orang jemaah haji Brunei yang pergi menuaikan haji dalam bulan Disember tahun lepas di-jangka berlepas meninggalkan Jeddah dengan menaiki kapal haji Anshun pada 21 Mach.

Kapal tersebut yang juga membawa jemaah2 haji dari Malaysia akan tiba di-pelabuhan Pulau Pinang pada 4 April.

Dari sana kapal tersebut akan berlepas ka-Malaysia Timor melalui Port Swettenham dan tiba di-Labuan pada 8 April.

Dari Labuan, jemaah2 haji Brunei itu akan di-angkut dengan beberapa buah kapal kerajaan pada itu juga.

Kursus ugama

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kursus Ugama dan Belia akan diadakan di-Dewan Persatuan Perkasa Kampong Saba pada hari Jumaat 19 Mach mulai pukul 1.30 petang.

Kursus tersebut di-anjarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama Bahagian Penerangan.

Pegawai2 dari jabatan tersebut akan memberikan cheramah khas di-majlis kursus tersebut.

Sa-orang juruchakap bagi Persatuan Perkasa menjemput ahli2 persatuan itu dan penduduk2 di-Kampong Saba supaya sama2 hadir dalam kursus tersebut.

Pegawai2 Banchi di-kehendaki

PERMOHONAN ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 sementara sa-bagai Pegawai2 Banchi di-Bahagian Ekonomi dan Perangkaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei pada bulan Ogos, 1971.

1. 50 orang Penyelia (Kaki-tangan Kerajaan sahaja).
2. 275 orang Penemuduga.

Kelayakan:

Pemohon2 mesti-lah sekurang2-nya lulus Sijil Rendah Pelajaran atau sa-banding-nya.

Ada-lah menjadi keutamaan jika pemohon2 mempunyai pengalaman terdahulu dalam Banchi Penduduk, Banchi Pertanian, Pengkajian Demografi, dan lain2.

Tugas:

1. **PENYELIA:**

Menghadhiri latehan sa-lama lebeh kurang tiga hari di-Pusat Banchi, Bandar Seri Begawan.

Memberi latehan kepada Penemu2 Duga.

Mengawas penemu2 duga.

2. **PENEMU-DUGA:**

Menghadhiri latehan sa-lama lebeh kurang tiga hari di-Pusat Banchi di-daerah masing2.

Menemu duga penduduk2 di-kawasan banchi

yang di-berikan kapadanya.

Pembayaran:

Bayaran2 yang berikut akan di-bayar kapada chalun2 yang berjaya:-

Penyelia — \$288/- bagi keseluruhan tempoh 24 hari.

Penemu-duga — \$110/- bagi keseluruhan tempoh 10 hari.

Jumlah ini ada-lah termasuk perbelanjaan kenderaan.

Elaun perkhemahan, jika perlu, akan di-pertimbangkan.

Permohonan:

Permohonan yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-dapati daripada Penguasa Banchi, Bahagian Ekonomi dan Perangkaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Bandar Seri Begawan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 10 April, 1971.

Kaki-tangan2 Kerajaan boleh juga mendapati borang permohonan dari Ketua2 Pejabat dan mengembalikannya melalui Ketua Pejabat-nya.

Peringatan:

Dengan memohon jawatan2 di-atas segala permohonan untuk pekerjaan lain tidak-lah tergangu atau terhalang. Kaki-tangan Kerajaan akan di-bebaskan dari menjalankan kerja2 biasa mereka di-kehendaki menjalankan kerja pembanchian.

TIGA BUAH KAPAL TENTERA LAUT DI-RAJA THAI MELAWAT BRUNEI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Tiga buah kapal dari Skuadran Latehan Kedet Tentera Laut Di-Raja Thai telah mengadakan lawatan muhibbah sa-lama empat hari ka-negeri ini.

Kapal2 itu HTMS Bangpakong, HTMS Maeklong dan HTMS Phosampton telah tiba di-Brunei pada hari Rabu lepas. Kapal2 HTMS Maeklong dan HTMS Phosampton telah ber-tambat di-Tambatan Kastam Di-Raja Bandar Seri Begawan dan kapada HTMS Bangpakong berlaboh di-Pelabuhan Muara.

Kapal2 itu ada-lah di-bawah pemerintah Pegawai Tinggi Tentera Laut, Skuadran Latehan Kedet Tentera Laut Di-Raja Thai, Laksamana Muda Prabhat Chandvirach.

Sa-tiba-nya di-Brunei, Laksamana Muda Prabhat Chandvirach telah mengunjongi Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British, Awang A.R. Adair.

Beliau kemudian-nya telah mengunjongi Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusuf bin Pengiran Hi. Abdul Rahim dan Setia Usaha Kerajaan, Yang Amat Mulia Pengiran Dipa Negara Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail.

Sa-masa berada di-sini, anak2 buah kapal tersebut telah di-bawa melawat ka-beberapa tempat yang menarek, termasuk-lah lawatan kapadang minyak di-Seria.

Mereka juga telah mengadakan perlawanan2 bola sepak dan rugby dengan pasokan2 tempatan.

Pegawai2 dan kadet2 dari ketiga buah kapal itu telah di-raikan oleh Setia Usaha Kerajaan dalam satu jamuan khas di-Dewan Kemasharakatan Bandar Seri Begawan pada malam Jumaat.

Ketiga2 buah kapal itu berlepas meninggalkan Brunei pada pagi hari Ahad lepas.

Rombongan pengambilan rekrut2 baru AMDB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Rombongan pengambilan orang2 baru Askar Melayu Di-Raja Brunei akan membuat kunjongan ka-beberapa tempat dalam bulan ini, untuk menemuduga pemuda2 yang ingin berkhidmat sa-bagai rekrut.

Rombongan tersebut akan berada di-Kampong Labi pada hari ini, 17 Mach Kampong Bukit Sawat pada 18 Mach dan pada 19 Mach di-Kampong Sungai Liang.

Pada 20 Mach rombongan itu akan berada di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait.

Pada 22 Mach di-Kampong Pengkalan Batu pada 23 Mach di-Kampong Masin.

Pegawai pengambilan rekrut itu meminta pemuda2 yang ingin berkhidmat supaya mene-mui rombongan pengambilan itu apabila mereka melawat ka-tempat2 mereka.